



Rapid Rail Sdn Bhd 200401022254 (660759-D)

Kompleks Rapid Rail Subang,

No.1, Jalan PJU 1A/46 Off Jalan Lapangan Terbang Subang, 47301 Petaling Jaya, Selangor.

Tel : 03-7650 7788 Fax : 03-7886 1642 Website : www.myrapid.com.my



KENYATAAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

KEJADIAN POKOK TUMBANG MENJEJAS PERKHIDMATAN MONOREL - RAPID RAIL MELAKSANAKAN PERKHIDMATAN TREN ALTERNATIF DAN BAS PERANTARA

- *Empat (4) stesen Monorel ditutup sementara untuk kerja-kerja pembersihan dan baikpulih*
- *Atas faktor keselamatan, pemeriksaan dan pembaikan terperinci sedang dijalankan sebelum operasi penuh dibuka semula*

KUALA LUMPUR, 7 Mei 2024 – Susulan kejadian pokok tumbang berhampiran Stesen Monorel Bukit Nanas yang berlaku pada hari ini, pihak Rapid Rail Sdn Bhd (Rapid Rail) akan melaksanakan perkhidmatan alternatif bagi memastikan kesinambungan perjalanan penumpang. Perkhidmatan alternatif ini akan bermula pada jam 6.00 pagi, Rabu 8 Mei 2024.

Empat (4) stesen Monorel akan ditutup kepada orang ramai disebabkan keperluan penutupan bekalan kuasa di landasan bagi memberi laluan kepada kerja-kerja pembersihan dan baikpulih. Stesen-stesen tersebut adalah Stesen Monorel Bukit Nanas, Stesen Monorel Raja Chulan, Stesen Monorel Bukit Bintang dan Stesen Monorel Imbi.

Bagi menyokong perkhidmatan alternatif tersebut agar para penumpang dapat meneruskan perjalanan, pihak Rapid Bus Sdn Bhd (Rapid Bus) akan menyediakan perkhidmatan bas perantara percuma di antara stesen-stesen yang terjejas.

Berikut adalah butiran bagi perkhidmatan alternatif tersebut: -

Butiran Perkhidmatan	Kekerapan
Tren di antara Stesen Monorel KL Sentral dan Stesen Monorel Hang Tuah – Platform 2 (ulang-alik) <ul style="list-style-type: none">• <i>KL Sentral-Tun Sambanthan-Maharajalela-Hang Tuah</i>	24 minit
Tren di antara Stesen Monorel Medan Tuanku dan Stesen Monorel Titiwangsa – Platform 1 (ulang alik)	15 minit

<ul style="list-style-type: none"> • <i>Medan Tuanku -Chow Kit-Titiwangsa</i> 	
Sepuluh (10) buah bas perantara percuma (ulang alik) <ul style="list-style-type: none"> • <i>Hang Tuah-Imbi-Bukit Bintang-Raja Chulan-Bukit Nanas-Medan Tuanku</i> 	30 minit <i>(bergantung kepada keadaan trafik semasa)</i>

Penumpang-penumpang yang terkesan dengan gangguan luar jangka ini disarankan untuk menggunakan lain-lain perkhidmatan tren sebagai perjalanan alternatif: -

Lokasi	Perkhidmatan Tren Berhampiran
Stesen Monorel KL Sentral	LRT KL Sentral/ MRT Muzium Negara
Hang Tuah	LRT Hang Tuah
Bukit Bintang	MRT Bukit Bintang
Bukit Nanas	LRT Dang Wangi
Medan Tuanku	LRT Sultan Ismail (melalui jejantas)
Titiwangsa	LRT & MRT Titiwangsa

Buat masa ini, kerja-kerja pembersihan dan baikpulih terperinci sedang dijalankan oleh Rapid Rail dengan bantuan pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL). Pihak operasi dan jurutera struktur juga sedang menjalankan pemeriksaan terperinci untuk memastikan pengoperasian penuh dapat dijalankan mengikut standard keselamatan dan piawaian yang telah ditetapkan.

Sebarang kemaskini akan dimaklumkan secara berkala menerusi saluran media sosial Rapid KL dan aplikasi PULSE.

Kami memohon maaf di atas gangguan luar jangka ini. Pihak kami akan memastikan pengoperasian penuh dapat dijalankan semula secepat mungkin dan kami mengucapkan terima kasih di atas kesabaran para penumpang.

TAMAT

Dikeluarkan oleh Rapid Rail Sdn Bhd.